

Kaedah Perbincangan dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah

***Nor Syahirah Abu Bakar¹, Mohd Aderi Che Noh²**

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris,

²Universiti Sains Islam Malaysia,

*norsyahirahabubakar91@gmail.com

Keyword:	Abstract
Methods of Conversation, Islamic Education, Low School Teaching.	<i>The method of conversation is one of the mediums used by teachers in achieving their teaching objectives. The results of the discussion sessions made by students in the group succeeded in achieving student understanding of the lessons being taught. At the same time, this discussion method can be used for all subjects based on the teacher's creativity. This study will focus on conversation methods in the teaching of Islamic education in low schools. This study aims to identify the concept of the discussion method, how to apply the conversation method in teaching Islamic education in ordinary schools, and review the effectiveness of the conversation method. This study was carried out using a qualitative approach based on library studies and informal interviews with bright teachers of low school Islamic education. Document analysis and independent studies are also used as references. The study results found that this discussion method was suitable for use in teaching Islamic education at the low school level. The teacher's use of correct conversational methods gives the impression of understanding, motivation, and academic improvement in student learning.</i>
Kaedah Perbincangan, Pendidikan Islam, Pengajaran Sekolah Rendah.	Kaedah perbincangan merupakan salah satu medium yang digunakan oleh guru dalam mencapai objektif pengajarannya. Hasil sesi perbincangan yang dibuat oleh murid di dalam kumpulan berjaya mencapai kefahaman murid terhadap pelajaran yang diajar. Dalam masa yang sama kaedah perbincangan ini dapat digunakan kepada semua mata pelajaran berdasarkan kreativiti guru tersebut. Kajian ini akan memfokuskan kepada kaedah perbincangan dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsep kaedah perbincangan, cara untuk mengaplikasikan kaedah perbincangan dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah dan meninjau keberkesanan kaedah perbincangan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kajian perpustakaan dan temu bual secara tidak formal kepada guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah rendah. Analisis dokumen dan kajian-kajian lepas juga turut dijadikan rujukan. Dapatan kajian mendapati bahawa kaedah perbincangan ini sesuai digunakan dalam pengajaran Pendidikan Islam di

peringkat sekolah rendah. Penggunaan kaedah perbincangan yang betul oleh guru memberikan kesan kefahaman, motivasi dan peningkatan akademik terhadap pembelajaran murid.

Received : 20 November 2021; Revised: 1 December 2021; Accepted: 14 January 2022

© Jurnal Pendidikan Nusantara
Tahta Media Group

<http://doi.org/10.55080/jpn.v1i1.10>



This is an open access article under the [CC-BY](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/) license

1. Pendahuluan

Pemilihan kaedah pengajaran yang bersesuaian akan dapat menarik minat murid untuk belajar di samping pencapaian objektif pengajaran. Kaedah pengajaran menurut Esah Sulaiman merupakan cara tindakan bersistematik oleh guru bagi mencapai objektif pengajaran dalam jangka masa yang pendek dan meningkatkan daya ingatan murid (Sulaiman, 2004);(Jasmi & Salleh, 2013a). Kaedah pengajaran yang betul dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan (Ngasiman, 2014). Perancangan pengajaran yang teliti harus dibuat oleh guru supaya topik dapat disesuaikan dengan kaedah pengajaran (Johari, Fakhruddin, & Suhid, 2017). Guru memainkan peranan penting dalam membuat pemilihan kaedah yang tepat agar sesi pengajaran menarik minat murid dan juga kefahaman tentang sesuatu topik (Anwar, 2022).

Terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang dapat disesuaikan dengan topik pengajaran dan juga murid dan di antara salah satunya adalah kaedah perbincangan. Kebiasaannya kaedah perbincangan selalu digunakan oleh guru semasa sesi pengajaran (Mohamad & Shariff, 2011). Perbincangan membolehkan murid bertukar pendapat dan idea sesama mereka (Abiddin & Ismail, 2016). Kaedah ini bersesuaian dengan teori *Person-Environment* dalam menengahkan berkaitan dengan interaksi antara murid dengan persekitaran dan juga tingkah laku yang berfungsi sosial terhadap individu dan persekitaran (King & Baxter, 2005). Penjanaan idea dalam menyelesaikan masalah turut berlaku apabila kaedah perbincangan ini dijalankan (Jasmi & Salleh, 2013a). Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih memudahkan murid untuk memahaminya apabila kaedah perbincangan ini digunakan.

2. Metode

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis dokumen dengan mengkaji, dan menyelidik kandungan teks yang berkaitan berdasarkan kajian yang dijalankan. Bahan rujukan terdiri daripada buku, jurnal, artikel prosiding dan kajian-kajian yang lepas turut dianalisis. Selain itu, pengkaji menemu bual guru Pendidikan Islam sekolah rendah bagi mendapatkan pandangan berkaitan dengan pelaksanaan kaedah perbincangan untuk murid sekolah rendah (Ikhwan, 2021).

3. Hasil dan Pembahasan

Kaedah pengajaran adalah satu siri tindakan yang bersistematik bagi mencapai objektif pelajaran berdasarkan langkah dan penyampaian yang tersusun (Langgulung, 1981);(Alsagof, 1984);(Sang & Mee, 1991);(A. M. Salleh, 1997);(Ahmad, 2000);(Noh, 2009). Kaedah pengajaran dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti kaedah pengajaran mendengar dan bertutur, kaedah

membaca dan menulis dan kaedah memerhati dengan membuat sesuatu (Mamat & Ismail, 2010). Penghasilan pengajaran yang berkesan berdasarkan kaedah pengajaran yang betul (Ngasiman, 2014). Kepelbagaian kaedah yang bersesuaian dengan isi pelajaran dan kemahiran murid dapat membuatkan pembelajaran berjalan dengan lancar, menarik dan berkesan (Jemali, Tamuri, & Hashim, 2014);(Pratama, Azman, Mustapha, Rahman, & Rus, 2015).

Perbincangan dapat diertikan apabila murid-murid bekerjasama di antara satu sama lain di dalam aktiviti berkumpul dan segala pendapat akan dikongsikan bersama bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan (Shaari, Ghazali, Yusof, & Awang, 2017). Perbincangan juga terlihat sepanjang proses pengajaran berlangsung sama ada perbincangan antara guru dengan murid, perbincangan antara murid dengan murid ataupun persekitarannya (Pratama et al., 2015). Kajian Kamarul Azmi Jasmi & Norhafizah Salleh menyatakan bahawa kaedah perbincangan ini selalu digunakan oleh guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) (Jasmi & Salleh, 2013a). Kebiasaannya perbincangan ini dibuat di dalam kumpulan berdasarkan tugas yang telah diperolehi (Haris & Kassim, 2016). Sikap kepimpinan dan bekerjasama akan terbentuk secara langsung yang akan membuatkan murid mengutarakan idea dan pandangan tersendiri berdasarkan tugas yang diperolehi.

Perbincangan yang dibuat akan membolehkan pertukaran pendapat dan idea Hendri Pratama et al. serta membolehkan murid-murid berinteraksi dengan ahli kumpulan dari segi percakapan, pemerhatian dan proses pendengaran (Pratama et al., 2015);(Abiddin & Ismail, 2016). Proses pengajaran dan pembelajaran juga akan lebih memudahkan kerana penyampaian yang ingin disampaikan oleh guru akan lebih berkesan apabila ilmu yang diberikan dapat diterima oleh semua murid (Jemali et al., 2014). Sebenarnya, pemilihan kaedah pengajaran sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kaedah perbincangan yang digunakan di dalam pendidikan dapat meningkatkan motivasi dan memahami sesuatu topik pengajaran. Kaedah perbincangan ini berkesan ke atas pengajaran mata pelajaran Sejarah Tingkatan 4 apabila menggunakan kaedah perbincangan di dalam laman web "facebook" yang dapat meningkatkan motivasi dan juga kefahaman pelajar bagi topik Tamadun Yunani dan Tamadun Rom (Mohamad & Shariff, 2011). Peningkatan motivasi dalam pelajaran berlaku apabila kaedah pengajaran bersesuaian dengan kesukaan pelajar (Martin, 2002);(Tamuri & Ajuhary, 2010);(Jasman, 2014);(Haris & Kassim, 2016).

Kajian Kamal Jasman menunjukkan kaedah perbincangan yang digunakan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup mampu meningkatkan motivasi murid (Jasman, 2014). Perbincangan ini dibuat berdasarkan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah rendah yang mendorong motivasi murid untuk belajar dengan melibatkan kumpulan-kumpulan bagi sesi perbincangan berlangsung (Leontiev, 1978);(Bandura, 1997);(Buang & Moi, 2002);(Tan & Ee, 2004);(Vazquez, 2008);(Ismail & Hasimah, 2009);(Ahmad Tarmizi, Mokhtar, Mohd Ayub, & Nawawi, 2013). Perbincangan yang dibuat bukanlah secara keseluruhan kelas namun dibuat secara berkumpul agar mudah melihat keterlibatan murid semasa sesi perbincangan berlangsung.

Kajian Hendri Pratama et al. turut mengemukakan bahawa kaedah perbincangan mampu untuk memberikan komunikasi dua hala antara guru dan pelajar secara tidak langsung namun tidak bergantung sepenuhnya kepada guru sahaja kerana melibatkan penjaanaan idea pelajar ketika sesi perbincangan berlangsung di dalam kumpulan (Pratama et al., 2015). Penglibatan secara aktif, penghasilan daya pemikiran yang kreatif dan inovatif serta penjaanaan idea yang bernas berlaku apabila proses kaedah perbincangan ini berlangsung di dalam kumpulan dan perbincangan antara guru dan murid serta perbincangan antara murid dengan murid (Hashim, Yaakub, & Ahmad, 2007);(Jasmi & Salleh, 2013a).

Guru mestilah bijak memilih kaedah pengajaran di dalam kelas bagi mencapai objektif pengajarannya dengan mengambil kira umur, minat dan kebolehan murid tersebut (Abiddin & Ismail, 2016);(Abu & Eu, 2017). Pemilihan kaedah pengajaran yang betul akan membolehkan pembelajaran yang diperolehi berdasarkan hasil yang dipamerkan melalui tingkah laku manusia tersebut (Hu. & D.Kuh, 2003);(Gaitan, 2012). Keberkesanan dapat dilihat apabila murid tersebut mampu mengulangkaji pelajaran dengan lebih efisien apabila adanya kaedah pengajaran yang betul di samping kesungguhan daripada murid itu sendiri (Razali, Sufahani, & Arbin, 2015). Perbincangan kumpulan adalah untuk merangsang fikiran murid agar lebih kritikal dan kreatif serta kemahiran interaksi sosial murid dapat diperkembangkan (Abiddin & Ismail, 2016). Beberapa perkara yang perlu diambil perhatian apabila sesuatu sesi perbincangan akan dilaksanakan di dalam kelas agar ia berjalan dengan efektif.

Menurut Norhasni Zainal Abiddin & Azahari Ismail bagi perancangan dan persediaan dalam menggunakan kaedah perbincangan ini adalah dengan menyusun kerusi meja di dalam bilik darjah seperti kedudukan kerusi meja mengelilingi meja tersebut agar ahli kumpulan dapat melihat antara satu sama lain (Abiddin & Ismail, 2016). Selain itu, kaedah perbincangan dibuat kepada bilangan yang kecil ahlinya di dalam satu kumpulan agar kesemua ahli berpeluang mengambil bahagian (Haris & Kassim, 2016). Disarankan antara lima hingga enam sahaja ahli kumpulan bagi perbincangan kumpulan kecil agar mudah untuk mengawal dan mengarah serta terdapatnya seorang ketua kumpulan (N. binti Salleh, 2012). Sekiranya terdapat ramai murid di dalam bilik darjah tersebut maka pecahan-pecahan kumpulan kecil perlulah dibuat dan setiap daripada kumpulan kecil itu terdapatnya seorang ketua (Abu & Eu, 2017). Tetapi bagi kumpulan yang ahlinya hanya dua dan tiga ahli sahaja tidak diperlukan seorang ketua.

Guru atau fasilitator berperanan dalam menghasilkan sesi perbincangan yang berjaya dengan menerangkan atau mendefinisikan objektif yang ingin disampaikan di dalam topik yang akan dibincangkan nanti (Haris & Kassim, 2016). Namun kaedah ini tidak mengharapkan murid bercakap sentiasa dan menonjolkan bakat masing-masing tetapi lebih menekan kepada perkongsian pendapat dan idea serta pemerhatian daripada ahli kumpulan tersebut bagi mencapai matlamat kefahaman murid tentang tajuk yang dibincangkan itu (Abiddin & Ismail, 2016). Guru atau fasilitator juga mestilah menerangkan format perbincangan kepada ahli kumpulan dan bertukar-tukar format agar ahli kumpulan tidak berasa bosan dan membuat definisi dan istilah supaya semua

ahli kumpulan dapat memahami tajuk dan isi yang ingin disampaikan kepada ahli kumpulan (Johari et al., 2017).

Guru atau fasilitator juga memainkan peranan untuk mengenali murid, bersabar agar tidak bersama-sama mengikuti perbincangan, mendengar dengan baik agar dapat mengawal perbincangan tidak terlalu cepat menamatkan sesi perbincangan dan menghindari perkara negatif berlaku semasa sesi dijalankan, mengelakkan penyoalan murid atau ahli kumpulan dengan mengambil masa yang lama terhadap seseorang ahli kumpulan tersebut, berkongsi sedikit pengalaman peribadi bagi membangkitkan semangat sesi perbincangan, menyiasat murid apabila sesi perbincangan berlangsung agar murid tersebut dapat mengembangkan lagi sesi perbincangan dan akhir sekali adalah dengan membuat kesimpulan berdasarkan sesi perbincangan tadi agar dapat meringkaskan idea bagi memahamkan ahli kumpulan terhadap isi tajuk perbincangan yang telah dibincangkan tadi (Abiddin & Ismail, 2016).

Kaedah perbincangan di dalam pendidikan dapat digunakan ketika sesi pengajaran berlangsung. Peranan guru dalam mengendalikan kaedah perbincangan ini seharusnya bijak mengagihkannya kepada murid-muridnya mengikut tahap murid-murid agar sesi perbincangan yang berlangsung dapat dimanfaatkan oleh semua murid. Guru atau fasilitator juga mestilah bijak mengendalikan kaedah perbincangan agar murid-murid tidak terkeluar daripada topik perbincangan yang dibincangkan. Hasil perbincangan yang berkesan akan dilihat melalui cara murid-murid berbincang sesama mereka dan memperolehi ilmu baru berdasarkan perkongsian sesama mereka.

3.1. Aplikasi Kaedah Perbincangan dalam Pendidikan Islam Sekolah Rendah

Aplikasi kaedah perbincangan bagi pengajaran akhlak dalam Pendidikan Islam di sekolah rendah telah dibuat berdasarkan temu bual dengan seorang guru Pendidikan Islam Tahun 5 di sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan di Pulau Pinang yang juga merupakan guru cemerlang Pendidikan Islam. Menurut Salehah, di dalam kelasnya terdapat 30 orang murid yang merupakan kelas yang ke 2 daripada 5 kelas (Salehah, 2017). Tajuk pengajaran Akhlaknya adalah Adab Di dalam Majlis. Beliau akan membahagikan kumpulan kepada 5 kumpulan yang setiap ahli kumpulannya terdiri daripada 6 orang ahli yang pelbagai aras.

Bagi melihat perkongsian pendapat dan idea, murid pelbagai aras dicampur di dalam satu kumpulan agar dapat melihat pemikiran daripada pelbagai aspek di samping dapat mengembangkan lagi isi-isi tajuk yang diajar. Sebelum sesi perbincangan bermula, beliau akan memaklumkan tajuk yang akan dibincangkan iaitu 'Adab di dalam Majlis' seperti perkongsian pengalaman ketika menghadiri majlis, menyenaraikan adab-adab ketika dalam majlis dan membuat perbandingan antara beradab dalam majlis dan akibat mengabaikan adab dalam majlis. Guru akan menceritakan terlebih dahulu pengalaman beliau ketika berada di dalam majlis kerana dengan permulaan daripada beliau ini murid-murid akan bermula berfikir daripada pengalaman-pengalaman mereka yang lepas untuk dikongsikan bersama ahli kumpulan nanti.

Setelah itu, guru tersebut akan memaklumkan beberapa syarat semasa sesi perbincangan nanti. Selepas itu, murid-murid membincangkan pengalaman-pengalaman yang dikongsikan bersama. Guru akan membuat pemantauan setiap

kumpulan agar perbincangan tidak lari daripada topik yang ingin disampaikan. Setelah itu, murid diberikan tajuk berkaitan dengan adab-adab ketika di dalam majlis. Murid-murid akan bertukar-tukar idea dan pendapat serta dibantu oleh guru untuk memahamkan ahli kumpulan masing-masing. Setelah selesai tajuk tersebut beliau akan meminta setiap ahli kumpulan berbincang pula berkaitan dengan perbandingan antara beradab dalam majlis dan akibat mengabaikan adab dalam majlis dengan memberikan beberapa contoh gambar berkaitan dengan adab di dalam majlis melalui paparan LCD agar murid-murid akan lebih memahaminya.

Selepas selesai setiap langkah, guru akan meminta setiap wakil kumpulan tadi untuk menyatakan perasaan mereka ketika sesi perbincangan tadi berlangsung dan akhir sekali beliau akan membuat kesimpulan agar murid-murid dapat memahamkan lagi tajuk dan isi yang disampaikan sebentar tadi. Daripada kaedah perbincangan ini, murid-murid akan lebih memahami isi pelajaran kerana banyak manfaat dan perkongsian yang diperolehi apabila dapat berbincang bersama-sama dan beliau juga tidak perlu mengambil masa yang lama untuk memahamkan murid apabila menggunakan kaedah perbincangan ini.

Berdasarkan aplikasi kaedah perbincangan dalam Pendidikan Islam sekolah rendah yang telah dinyatakan oleh ustazah Salehah iaitu seorang guru Cemerlang Pendidikan Islam di sekolah rendah maka dapatlah dilihat bahawa kaedah perbincangan yang telah beliau aplikasikan ini ternyata murid-murid mudah untuk memahami pelajaran yang dipelajari walaupun di dalam kelasnya terdapat ramai murid. Dalam masa yang sama, guru berperanan sebagai fasilitator apabila menggunakan kaedah perbincangan dalam pengajaran ini sebagai membimbing murid agar objektif pengajaran yang disampaikan pada hari tersebut tercapai. Murid-murid juga akan lebih mudah mesra dan tidak jemu dengan guru dan rakan-rakannya apabila kaedah perbincangan ini digunakan semasa sesi pengajaran Pendidikan Islam.

3.2. Keberkesanan Kaedah Perbincangan

Proses pengajaran dan pembelajaran yang betul berasaskan kepada kefahaman yang dibuat berdasarkan interaksi di dalam bilik darjah dan persekitarannya dengan mengambil kira pelbagai aspek seperti minat (Nair & Gopal, 2014), keperluan murid dan menggunakan pedagogi yang bersesuaian dengan murid agar murid-murid lebih memahami tajuk dan isi-isi pelajaran serta dapat diadaptasikan sepanjang kehidupan mereka dalam mendepani cabaran yang mendatang (Sani, 2013);(Ngasiman, 2014). Kaedah perbincangan merupakan salah satu kaedah pengajaran yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (Haris & Kassim, 2016).

Antara kesan-kesan daripada kaedah perbincangan ini adalah guru atau fasilitator bersoal jawab terlebih dahulu dengan murid-murid tentang hasil pembacaan mereka berkaitan dengan tajuk yang ingin dibincangkan bagi mengenalpasti masalah di samping merangsang pemikiran murid (Haris & Kassim, 2016), membahagikan kelas kepada kumpulan yang lebih kecil agar dapat mengfokuskan kepada tajuk dan isi-isi tajuk bagi memahamkan lagi ahli kumpulan (Abu & Eu, 2017) dan mengelakkan perbincangan yang pasif (Sani,

2013) apabila terlalu ramai ahli kumpulan di dalam kumpulan tersebut serta guru atau fasilitator dapat mengawal murid yang bercakap banyak dengan memonopolikan perbincangan tersebut agar hasil perbincangan dapat difahami oleh semua ahli kumpulan tersebut (Abiddin & Ismail, 2016).

Kesan dari kaedah perbincangan bagi pengajaran Akhlak dalam Pendidikan Islam di sekolah rendah menurut Salehah adalah murid mudah memahami pelajaran yang diajar oleh guru (Salehah, 2017). Hasilnya dapat dilihat apabila beliau memberikan lembaran kerja dan bertanya soalan kepada murid-muridnya ternyata murid-murid dapat memberikan jawapan yang memberangsangkan dan betul. Selain itu juga sifat murid dapat dilihat melalui pemerhatian beliau secara berkala di dalam kelas apabila murid-muridnya berani mengutarakan pendapat dan idea. Penglibatan murid di dalam kelas akan lebih bersifat keseronokkan apabila murid-muridnya mudah memahamkan sesuatu tajuk apabila kaedah perbincangan ini dibuat sama ada dalam pengajaran Akhlak mahupun bidang pengajaran Pendidikan Islam yang lain. Murid-murid yang pandai juga akan bekerjasama dengan murid-murid yang lemah dalam membantu menjana idea (Nair & Gopal, 2014) dan melontarkan pendapat-pendapat yang dirasakan betul untuk mendapatkan perkongsian bersama (Sani, 2013) kerana dengan ini murid-murid akan mengetahui bahawa perbincangan mereka ini akan lebih memahamkan mereka terhadap sesuatu perkara dan pelajaran di samping mendapatkan rujukan yang tepat daripada guru atau fasilitator ketika sesi perbincangan tersebut berlangsung.

Penyelesaian masalah terhadap sesuatu isu juga dapat diselesaikan dan murid dapat mendalami ilmu-ilmu yang baru hasil daripada kaedah perbincangan ini digunakan (Johari et al., 2017). Kaedah perbincangan ini dapat membuktikan bahawa murid cemerlang dapat membantu murid yang lemah sebagai bimbingan terhadap rakan-rakan sekelas (Abiddin & Ismail, 2016). Menurut (N. binti Salleh, 2012) Kaedah ini akan membuatkan murid diberikan peluang dan ruang untuk bercakap dan menajamkan lagi minda mereka serta sebagai latihan kepada murid untuk mahir bercakap dan berani memberikan pendapat sendiri. Murid yang terlibat dalam kaedah perbincangan ini memudahkan proses pemahaman dan meningkatkan daya ingatan murid berdasarkan perkongsian ilmu yang diperolehi (Jasmi & Salleh, 2013b). Semangat kepimpinan di dalam kumpulan akan terbentuk kerana seorang ketua mestilah memastikan pencapaian maklumat yang ingin disampaikan kepada ahlinya tercapai (Nair & Gopal, 2014) dan kaedah ini juga dapat dilihat apabila keyakinan diri dalam mengeluarkan idea dan pandangan terserlah antara ahli kumpulan disebabkan lama kelamaan perasaan malu mulai hilang (Jasmi & Salleh, 2013b).

Keberkesanan kaedah perbincangan terbukti apabila hasil daripada temu bual guru cemerlang Pendidikan Islam dan juga dapatan-dapatan yang diperolehi daripada kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan tadi memberikan satu inspirasi kepada guru-guru dan juga para pendidik untuk merancang pengajaran mereka dengan menggunakan kaedah perbincangan bagi mencapai objektif pengajaran yang ingin dicapai khususnya bagi guru yang mengajar mata pelajaran agama Islam. Kemenjadian murid juga akan terlihat dan terserlah apabila mereka mula menonjolkan diri dalam menyuarakan pendapat dan idea serta berani bersuara dalam mengutarakan sesuatu perkara di samping seronok

dan memahami isi pelajaran agama Islam yang disampaikan apabila menggunakan kaedah perbincangan ini.

4. Simpulan

Kefahaman murid dapat dilihat apabila seseorang guru itu dapat menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan muridnya. Kaedah perbincangan ini banyak digunakan dalam pelbagai mata pelajaran kerana kesesuaiannya dalam memudahkan dan memberikan kefahaman kepada murid lebih cepat dan berkesan. Pengajaran Pendidikan Islam juga lebih mudah untuk difahami apabila menggunakan kaedah perbincangan ini kerana lebih jelas objektif pengajaran yang disampaikan oleh guru tersebut sekaligus tercapai objektif pengajaran apabila murid-murid mudah untuk memahami tajuk-tajuk di dalam pengajaran Pendidikan Islam. Kesannya dapat dilihat dalam pelbagai aspek sama ada dari segi pemerhatian ataupun keberhasilan murid dalam bidang akademik Pendidikan Islam. Dari segi pemerhatian, guru dapat melihat bahawa apabila kaedah perbincangan digunakan murid-murid akan berusaha mengeluarkan idea dan pandangan mereka dan bagi murid yang lemah juga akan turut dibantu menjana dan mengeluarkan pandangan sendiri. Dari segi keberhasilan murid terlihat di dalam prestasi pelajarannya yang akan meningkat disebabkan kefahaman tajuk-tajuk dan isi-isi pelajaran yang diperolehi hasil daripada kaedah perbincangan ini.

5. Daftar Rujukan

- Abiddin, N. Z., & Ismail, A. (2016). Peranan Fasilitator dalam Perbincangan Kumpulan Kelas: Ke Arah Pembangunan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. *Mimbar Pendidikan*, 1(1).
- Abu, N. E. B., & Eu, L. K. (2017). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.
- Ahmad, M. Y. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ahmad Tarmizi, R., Mokhtar, M. Z., Mohd Ayub, A. F., & Nawawi, M. (2013). Motivation and Performance in Learning Calculus Through Problem Based Learning. *International Journal of Asian Social Science. Special Issue: International Conference on Teaching and Learning in Education*, 3(9).
- Alsagof, S. A. (1984). *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Anwar, S. (2022). Evaluasi Pendidikan Menuju Insan Kamil Perspektif Filsafat Islam. *Jurnal Pendidikan Nusantara*, 1(1), 62-76.
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. New York: Freeman.
- Buang, N. A., & Moi, Y. P. (2002). Kesiediaan Guru-Guru Perdagangan Di Wilayah Persekutuan Dari Aspek Pengetahuan Kaedah Pengajaran Dan Sikap Terhadap Pengajaran Subjek Pengajian Keusahawanan. *Jurnal Teknologi*, 3(7), 1-16.
- Gaitan, A. (2012). Understanding Students' Experiences of e-PDP and the Factors that Shape Their Attitudes. *International Journal of E-Portfolio*, 2(1), 29-38.

- Haris, Z., & Kassim, M. K. A. (2016). Pendidikan Islam Kursus Perguruan Lepas Ijazah di Institut Pendidikan Guru Malaysia: Kaedah dan Proses Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan. *ATIKAN*, 1(2), 279-294.
- Hashim, S., Yaakub, R., & Ahmad, M. Z. (2007). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Hu., S., & D.Kuh, G. (2003). Diversity Experiences and College Student Learning and Development. *Journal of College Student Development*, 44(3), 320-334.
- Ikhwan, A. (2021). *Metode Penelitian Dasar (Menenal Model Penelitian dan Sistematikanya)*. Tulungagung: STAI Muhammadiyah Tulungagung.
- Ismail, & Hasimah, N. (2009). *Kesan Penggunaan Pbm (pbl) Terhadap Pencapaian dan Motivasi Pelajar dalam Kimia Tingkatan Empat*. Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Disertasi Sarjana.
- Jasman, K. Bin. (2014). *Kesan Pembelajaran Berasaskan Masalah Terhadap Motivasi Pelajar Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Doctoral Dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jasmi, K. A., & Salleh, N. (2013a). Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes. (Teaching and Learning-Centered Approach Student among Islamic Education Outstanding Teacher and. Malaysia.
- Jasmi, K. A., & Salleh, N. (2013b). Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes. (Teaching and Learning-Centered Approach Student among Islamic Education Outstanding Teacher and. In *3d International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013] at EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia on 6th- 7th April 2013*, p. 773-783. ISBN: 978-967-10160-4-6.
- Jemali, M., Tamuri, A. H., & Hashim, A. (2014). Kaedah Pengajaran Al-Quran Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak. *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education*, 1(1), 35-44.
- Johari, N. S., Fakhruddin, F. M., & Suhid, A. (2017). Pendekatan Dan Kaedah Pengajaran Ibadah Solat Guru Pendidikan Islam Menurut Perspektif Murid. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 4(2), 46-53.
- King, P. M., & Baxter, M. M. B. (2005). A Developmental Model Of Intercultural Maturity. *Journal Of College Student Development*, 46(6), 571-592.
- Langgulung, H. (1981). *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Aman.
- Leontiev, A. N. (1978). *Activity, Consciousness, and Personality*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.
- Mamat, A., & Ismail, S. (2010). Kaedah Pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan Jawi di Malaysia. In *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI* (pp. 321-329).

- Martin, K. (2002). Issues of Teaching and Learning - Focussing on the student. In Focusing on the Student. In *Proceedings of the 11th Annual Teaching Learning Forum, 5-6 February*. Perth: Edith Cowan University.
- Mohamad, R., & Shariff, S. B. M. (2011). Kesan penggunaan laman sosial ke atas kaedah perbincangan di dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.[Effect of Social media usage on discussion approach in teaching and learning of History subject]. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1(1), 75-80.
- Nair, S. M., & Gopal, S. D. (2014). Kesan Penggunaan Kaedah Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian Dan Minat Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pengajian Am (The Effectiveness Of Mastery Learning Method On Lower Six Students' Achievement And Interest In The General Paper). *The Asia Pacific Journal of Educators and Education (Formerly Known as Journal of Educators and Education)*, 29(1), 1-26.
- Ngasiman, N. H. binti. (2014). *Kesan kaedah pembelajaran koperatif terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik*. Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Noh, M. A. C. (2009). Amalan pengajaran tilawah al-Quran: satu tinjauan terhadap persepsi guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 57-72.
- Pratama, H., Azman, M. N. A., Mustapha, R., Rahman, A. A., & Rus, R. C. (2015). Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Berasaskan DD/CT Terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh. *Sains Humanika*, 7(1), 19-29.
- Razali, S. N. A. M., Sufahani, S. F., & Arbin, N. (2015). Pencapaian Kursus Matematik Dan Statistik Di Kalangan Pelajar Uthm: Faktor Mempengaruhi Dan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Lebih Diminati. *Journal of Techno Social*, 7(2).
- Salehah. (2017). *Cara Aplikasi Pendekatan Teknik Perbincangan Bagi Pengajaran Akhlak Dalam Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah*. Temu bual.
- Salleh, A. M. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Salleh, N. binti. (2012). Pendekatan Teknik Perbincangan Dan Perbahasan Dalam Proses Pembelajaran Dan Pengajaran Pendidikan Moral. Koleksi Penulisan Amalan Terbaik Pemantapan Pendidikan Berasaskan Hasil. *Sidang Pengarang*, 37.
- Sang, M. S., & Mee, L. S. (1991). *Pedagogi 3: Bahagian A Pengajaran Dan Persediaan Mengajar*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Sani, R. A. (2013). *Inovasi pembelajaran*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Shaari, A. S., Ghazali, M. I., Yusof, N. M., & Awang, M. I. (2017). Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Dan Masalah Yang Dihadapi Guru-Guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru Untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 599-

608.

- Sulaiman, E. (2004). *Pengenalan pedagogi*. Skudai, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Tamuri, A. H., & Ajuhary, M. K. A. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu 'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Tan, O. S., & Ee, J. (2004). *Project Work Through Problem Based Learning Approach. Managing, Project Work in Schools: Issues and Innovative Practices*. Singapore: Prentice-Hall.
- Vazquez, M. F. (2008). Problem Based Learning and Its Influence on College Preparation Knowledge, Motivation, & Self-Efficacy in High School Students.